

PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN: KAJIAN DI ZAKAT PULAU PINANG (ZPP)

Education Zakat Education Management: A Case Study in Zakat Penang (ZPP)

Mohamad Muhaimin Mohamad Zakiⁱ & Azman Abdul Rahmanⁱⁱ

ⁱ Calon Ph.D, Bahagian Pengajian Islam (Syariah) Jabatan Syariah dan Ekonomi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, ustaz_min@yahoo.com.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaya, 71800 Negeri Sembilan, azman@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Zakat merupakan satu mekanisma ibadah bagi membantu golongan yang memerlukan. Menerusi bidang pendidikan, antara isu yang dihadapi oleh golongan asnaf adalah masih ramai pelajar yang tergolong dalam kalangan fakir dan miskin. Pada masa yang sama jumlah mereka yang masih tercicir daripada menerima bantuan zakat juga tetap berlaku. Selain itu, perekodan data golongan asnaf yang kurang efisien juga menjadi antara masalah yang dihadapi dalam penyaluran bantuan. Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendefinisian asnaf yang layak untuk menerima zakat pendidikan serta bentuk-bentuk bantuan yang ditawarkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) selaku institusi zakat dalam mengagihkan dana zakat pendidikan kepada golongan asnaf setiap tahun. Kajian ini turut membincangkan langkah-langkah</i></p>	<p><i>Zakat is a mechanism of worship to help those in need. In education sector, among the issues faced by the asnaf is that there are still many students who are belong to fakir and miskin group. At the same time, the number of those who are left out from receiving zakat assistance are still happening. In addition, the lack of effective asnaf data recording has becoming the problem in the distribution of aid. Based on these problems, the purpose of this study aims to identify the definition of asnaf who are eligible to receive zakat education aid as well as the form of aid offered by ZPP as zakat institution in distributing zakat education fund to asnaf each year. Furthermore, this study also discusses the steps taken by the ZPP in carrying out the obligation to distribute education's zakat funds to the asnaf in a fair and transparent manner. The data was analyzed using a qualitative research methodology that collects data through library</i></p>

yang dilakukan oleh ZPP dalam menjalankan kewajipan mengagihkan dana zakat pendidikan kepada golongan asnaf secara adil dan telus. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan kualitatif dengan mengumpulkan data melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur. Hasil kajian mendapati agihan zakat pendidikan merupakan antara agihan terbesar di ZPP. Terdapat dua bentuk agihan zakat pendidikan yang dilakukan oleh ZPP iaitu agihan kepada institusi dan individu. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, ZPP telah melakukan pelbagai transformasi dan kepelbagaian dalam agihan zakat pendidikan antaranya seperti penggunaan laman sesawang, penubuhan skuad jejak asnaf dan program usahasama bersama agensi lain terutama bagi bidang yang diperlukan oleh umat Islam seperti kejuruteraan dan perakaunan. Penambahbaikan dalam sistem agihan ini adalah penting bagi memastikan peranan zakat pendidikan tercapai selari dengan objektif pensyariaan zakat kepada umat Islam.

Kata kunci: Pengurusan, agihan, zakat pendidikan, Zakat Pulau Pinang

research and field research using unstructured interview methods. The finding shows that the distribution of zakat education aid was among the largest distributions in the ZPP. There are two forms of education zakat aid distributed by ZPP, which is distribution to institutions and individuals. In order to realize that aspiration, ZPP has made various transformation and diversification in the distribution of zakat education aid such as the use of website, the establishment of asnaf track squad and joint venture programs with other agencies, especially for fields which is required by Muslims such as engineering and accounting. The improvement on this distribution system is important to ensure the role of zakat in education is achieved in line with the objective of zakat ordainment to the Muslims.

Keywords: Management, distribution, education zakat, zakat Penang.

PENDAHULUAN

Sektor pendidikan merupakan antara sektor terpenting dalam usaha membina modal insan dalam sesebuah masyarakat. Buktinya, dalam bajet belanjawan tahun 2019, agihan untuk sektor pendidikan berada di kedudukan tertinggi iaitu sebanyak RM60.2 bilion atau 19.1% daripada keseluruhan belanjawan kerajaan (Laporan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, 2019). Namun, dalam masa yang sama golongan yang kurang bernasib baik dari segi kewangan untuk meneruskan pelajaran seperti golongan asnaf fakir dan miskin yang hanya bergantung harap kepada dana

zakat. Perkara ini terbukti dengan agihan zakat mencatatkan prestasi yang meningkat seiring dengan perkembangan ekonomi dalam kalangan umat Islam hari ini. (ZPP, 2019).

Oleh yang demikian, institusi zakat haruslah berperanan mengagihkan dana zakat secara adil, telus dan efisien kepada golongan asnaf agar dapat membantu mereka keluar dari lembah kemiskinan. Namun begitu, isu keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat masih membelenggu umat Islam (Wan Salim Wan Mohd Noor, 2019; Md Hairi et. al, 2012; Jasni Sulong & Anwar Mohd Ali, 2012). Tidak dinafikan bahawa institusi zakat terdedah kepada penilaian umum masyarakat Islam disebabkan ia merupakan sebuah institusi yang memegang kepercayaan awam. Antara isu yang diperdebatkan adalah salahguna dana zakat, kebocoran dana zakat yang dilakukan oleh amil yang dilantik, pengurusan yang tidak cekap serta kadar kemiskinan yang masih meningkat setiap tahun, (Norazlina & Abdul Rahim, 2013). Penyaluran dana zakat hendaklah diagihkan kepada lapan asnaf sebagaimana yang telah ditetapkan dalam firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

“Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat (amil), mualaf yang dipujuk hati mereka, untuk memerdekakan hamba, orang-orang yang berhutang, orang-orang yang berjuang di jalan Allah SWT, orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai ketetapan yang diwajibkan Allah SWT dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”

(Al- Taubah,60).

Daripada ayat di atas, dapatlah diringkaskan bahawa dana zakat diagihkan kepada asnaf fakir dan miskin, amil, mualaf, *fi sabilillah*, *gharimin*, *ibni sabil* dan *riqab*. Dana zakat yang diagihkan kepada lapan asnaf pada masa kini wujud dalam pelbagai bentuk agihan (Mohamed Izam, 2010). Ia merangkumi agihan zakat seperti pendidikan, pembangunan sosial, pembangunan ekonomi, pembangunan institusi agama dan juga pembangunan modal insan (Ahmad Shahir, 2007; Wan Salim Wan Mohd Noor, 2019).

Objektif utama pengagihan dana zakat mengikut pendapat Yusuf Al-Qaradawi (1973) dalam bukunya yang bertajuk ‘Fiqh al-Zakat’ ialah untuk mempertingkatkan nilai hidup pemberi, membersihkan dan menyuburkan harta, membantu pihak yang memerlukan serta memperkukuhkan jaminan sosial. Daripada objektif-objektif yang disebutkan ini seperti zakat dapat menyuburkan harta menjelaskan bahawa zakat dapat memperkembangkan lagi harta yang diberikan serta menambah keberkatannya. Secara realitinya, harta yang dizakatkan dilihat akan berkurangan pada mata kasar manusia,

tetapi sebaliknya jika ditelusuri akan hikmah pemberian zakat ini maka dapat disimpulkan bahawa pada hakikatnya harta zakat ini dapat meningkatkan kegiatan ekonomi masyarakat seterusnya membantu negara ke arah ekonomi negara yang berpendapatan tinggi (Mahmood Zuhdi, 2003). Justeru itu, pembangunan masyarakat dari segi kehidupan yang lebih baik seperti bebas dari belenggu kemiskinan di kalangan asnaf, kemajuan pendidikan melalui modal insan dapat di laksanakan dengan menggunakan dana zakat yang telah diperolehi.

Namun, terdapat beberapa perkara telah dikenalpasti sebagai penyebab kepada kesukaran asnaf bagi memperoleh bantuan zakat pendidikan. Antaranya, perekodan data golongan asnaf yang kurang efiksyen juga antara masalah yang dihadapi dalam penyaluran bantuan Terdapat terdapat jumlah pelajar yang tergolong dalam kalangan fakir miskin, serta masih ramai juga dalam kalangan mereka yang masih tercicir daripada menerima bantuan zakat. (Azman Ab Rahman & Siti Martiah Anwar, 2014). Oleh itu, Iman & Sanep (2011) menyarankan bahawa tahap keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat wajar diselidiki dari aspek kutipan dan juga agihan memandangkan institusi zakat sangat berperanan dalam masyarakat. Maka, punca ketidakpercayaan terhadap institusi zakat perlu dikenalpasti sama ada dari persepsi pembayar (*muzakki*) mahupun penerima zakat (asnaf).

Perkara ini senada dengan kajian yang dijalankan oleh Hairunnizam et al. (2009). Hasil kajian ini mendapati bahawa kekurangan ketelusan dalam pengagihan zakat telah menyebabkan ketidakpuasan hati di kalangan pihak berkepentingan dalam zakat. Di samping itu, kegagalan institusi zakat dalam menyediakan laporan kewangan turut menjejaskan ketelusan dalam tadbir urusnya (Utusan Online, 2001, Disember 3). Majoriti institusi zakat di Malaysia juga didapati tidak telus dalam mendedahkan maklumat di dalam laman web mereka (Mohd Faisol, Suhaina & Mohd Zulkifli, 2009). Kejadian ini menunjukkan bahawa ketelusan institusi zakat tidak berada pada tahap yang memuaskan. Isu ketelusan sering dikaitkan dengan pengurusan institusi zakat yang didakwa tidak cekap. Pengurusan institusi zakat kerap dikritik kerana birokrasi (Aidit, 1989), ketidakcekapan dalam pengagihan zakat (Azman et al., 2012; Hairunnizam et al., 2009; Mohd Asri, 2010; Mohd Fadly, 2010), dan tidak proaktif (Mohd Asri, 2010; Mohd Fadly, 2010). Hal ini mengundang kritikan berterusan terhadap tadbir urus institusi zakat (Mohd Asri, 2010; Radiah, 2011).

Mutakhir ini, terdapat beberapa isu dan kontroversi dilihat telah menimpa institusi zakat. Satu daripada isu tersebut adalah keyakinan masyarakat Islam yang rendah terhadap institusi zakat. Setiap tahun pastinya terdapat aduan terhadap institusi zakat dilaporkan dalam media terutamanya yang berkaitan dengan pengagihan zakat (Mohd Harzrul, 2010). Beberapa penyelidik zakat

juga telah menekankan tentang isu ini contohnya (Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009; Mohd Asri, 2009; Patmawati, 2008; Sanep & Hairunnizam, 2005; Sanep, Hairunnizam & Adnan, 2006). Sanep et al. (2006) mendapati bahawa majoriti daripada responden tidak berpuas hati dengan pengurusan institusi zakat walaupun mereka membayar zakat kepada institusi tersebut. Selain itu, sikap tidak yakin kepada institusi zakat adalah penyebab untuk seseorang individu itu membayar zakat melalui saluran tidak formal (Hairunnizam et al, 2009; Mohd Asri, 2009; Sanep & Hairunnizam, 2005).

Selain itu, Sadeq (1995) telah mengenalpasti beberapa kekurangan dalam pengurusan pengagihan zakat yang disebabkan oleh terdapat pentadbir zakat yang kurang professional. Ia seterusnya menyebabkan wujud sikap tidak yakin dalam kalangan pembayar zakat terhadap institusi zakat dan menjadi penyebab untuk seseorang individu itu membayar zakat melalui saluran tidak formal (Aidit, 1989; Hairunnizam et al, 2009; Mohd Asri, 2009; Sanep & Hairunnizam, 2005) malah Abdul Wahab et.al. (1995) juga bersetuju pengagihan zakat di Malaysia tidak diurus dengan baik kerana kekurangan pekerja yang berkelayakan dan tiada jaringan professional. Mohamad Dahan (1998) pula mendapati terdapat beberapa kes negatif seperti salah guna kuasa dan pecah amanah wang zakat di peringkat negeri seperti yang tepalit di ZPP menyebabkan urus tadbir zakat tidak mendapat kepercayaan penuh dalam kalangan masyarakat.

Antara isu yang masih menjadi perdebatan dalam kalangan masyarakat ialah masih terdapat golongan fakir dan miskin contohnya di Selangor, proses permohonan yang rumit dan mengambil masa, serta isu kelayakan asnaf (Mohamed Dahan, 1998). Asnaf dikehendaki mengisi borang dan melalui beberapa proses tapisan yang rumit. Selain dari itu institusi zakat turut dikritik kerana gagal mengenalpasti dengan tepat jumlah penerima zakat (Muhammad Syukri, 2006). Masalah birokrasi dan serakan geografi turut menjadi halangan pengagihan yang cekap. Ini kerana terdapat golongan asnaf yang duduk di ceruk kampung dan kawasan pedalaman yang tidak pernah dikunjungi oleh pegawai zakat ataupun wakil-wakil yang telah dilantik seperti ketua kampung ataupun ahli jawatankuasa masjid.

Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti mekanisme dan bentuk agihan zakat pendidikan agar kepercayaan para pembayar zakat kepada institusi zakat secara formal dapat dikembalikan.

KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai zakat terutamanya zakat pendidikan telah banyak dijalankan oleh beberapa pengkaji sebelum ini terutamanya dalam aspek pengurusan zakat seperti aspek kutipan dan juga aspek pengagihan zakat kepada pelbagai asnaf. Hal ini menunjukkan betapa instrumen zakat sangat

diberikan perhatian bagi membantu golongan asnaf meningkatkan taraf hidup dan seterusnya menjadi pembayar zakat di masa hadapan. Hal ini dapat dibuktikan melalui peruntukan yang banyak disalurkan daripada dana zakat untuk program-program pendidikan asnaf serta bagi tujuan pembiayaan pendidikan (Azman et. al., 2017).

Muhammad Haffiz Muhamad Isa dan Hairunnizam Wahid (2017) yang menjalankan kajian mengenai dana zakat untuk pembiayaan pendidikan. Tinjauan dilakukan bagi mengenalpasti kecenderungan pemilihan aliran pendidikan dalam kalangan asnaf mualaf di Malaysia. Bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian ini, set soal selidik diberikan kepada seramai 514 responden yang terdiri daripada para pelajar empat buah institusi latihan dakwah di Malaysia iaitu Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) Kedah, Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) Kelantan, Pusat Pengukuhan Muallaf Selangor, dan Pusat Saadah Negeri Sembilan. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti asnaf mualaf cenderung memilih aliran pendidikan akademik berbanding pendidikan aliran kemahiran iaitu dengan kadaran 54.5 peratus berbanding 45.5 peratus. Justeru, daripada lima faktor yang dikenalpasti menjadi sebab kepada kecenderungan pemilihan tersebut, faktor “motivasi dan minat” didapati menjadi faktor utama, diikuti faktor “persekitaran dan dorongan luar”, faktor “konsep dan pelaksanaan aliran pendidikan”, faktor “peluang kerjaya” dan faktor “personaliti dan kebolehan”. Pengkaji juga menyenaraikan beberapa cadangan seperti kajian lapangan yang lebih spesifik dan mendalam terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pemilihan aliran akademik oleh golongan mualaf.

Seterusnya, Norfariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad (2017) dalam kajian mereka yang bertajuk Peranan Zakat Dalam Meningkatkan Ekuiti Dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar Di Malaysia telah menghuraikan mengenai ekuiti dalam pendidikan yang merupakan matlamat penting bagi kemajuan sesebuah Negara. Selain itu, kajian ini juga bertujuan bagi mengkaji peranan zakat dalam mambantu mempertingkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia. Hasil kajian mendapati pelbagai bentuk agihan zakat yang dapat diberikan serta penambahbaikan bantuan zakat bagi mempertingkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia.

Kajian Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar (2014) pula mengkaji mengenai peranan dan cabaran zakat pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia. Dalam kajian berkenaan, mereka mengenalpasti skim dan bentuk bantuan zakat pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf zakat di

seluruh negeri di Malaysia. Seterusnya, menganalisa peranan zakat pendidikan kepada golongan asnaf zakat di Malaysia dan cabaran yang dihadapi pada masa kini. Hasilnya, berdasarkan pemerhatian penyelidik dalam laman sesawang, *pamphlet* dan *brochure* Pusat Zakat dan unit baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri di 14 buah negeri di Malaysia, mereka mendapati bahawa kesemua negeri telah memperuntukkan sejumlah peruntukan dalam bentuk bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf.

Antara cadangan yang dikemukakan adalah zakat membantu mengatasi masalah keciciran pelajaran, zakat pendidikan senjata pembasmian kemiskinan jangka masa panjang, dan zakat pendidikan pencetus anjakan paradigma. Terdapat juga cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti antaranya terdapat sebahagian ibu bapa yang tergolong dalam asnaf ini tidak memberi perhatian kepada anak-anak mereka. Mereka sendiri tidak menggalakkan anak-anak supaya berusaha sehingga berjaya dalam pelajaran seterusnya mendapatkan peluang pekerjaan yang baik yang mampu merubah kehidupan mereka. Hal ini penting bagi memastikan zakat pendidikan dapat diagihkan dengan efektif kepada para asnaf zakat di seantero Malaysia

Di akhir kajian tersebut, beberapa pendekatan atau usaha yang boleh dilakukan oleh institusi zakat sebagai satu inisiatif bagi memastikan zakat pendidikan dapat diagihkan dengan efektif kepada asnaf zakat di Malaysia. Antaranya seperti peranan institusi zakat perlu ditingkatkan dengan mengambil pendekatan turun padang atau keluar kepada masyarakat agar mereka yang benar-benar layak sahaja memperoleh dana zakat pendidikan (Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar, 2014).

Daripada aspek inovasi dan cadangan bagi meningkatkan agihan zakat, pelbagai kajian telah dijalankan oleh beberapa penyelidik bagi membantu institusi zakat meningkatkan kualiti dalam pengagihan dana zakat, antaranya seperti kajian yang dijalankan oleh Anssar Nasrun dan Aza Shahnaz Azman (2015) bahawa pihak institusi zakat perlu memperluaskan promosi berkaitan bentuk-bentuk agihan zakat yang boleh diperolehi oleh para asnaf. Sebagai contoh, bagi bantuan pendidikan berbentuk biasiswa untuk para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti, iklan boleh dimasukkan di akhbar-akhbar perdana seperti dilakukan oleh para penaja yang lain. Syarat yang jelas perlu dimasukkan.

Pihak institusi zakat juga, selain mencari sendiri asnaf zakat mereka, turut dicadangkan untuk mengiklankan di akhbar-akhbar. Ini akan menyebarkan maklumat dengan lebih luas, dan membolehkan mereka yang benar-benar berminat dan layak turut memohon. Secara tidak langsung juga, para

pembayar zakat akan dapat melihat bahawa wang zakat yang mereka keluarkan digunakan dengan sepenuhnya. Hal ini akan meningkatkan keyakinan mereka untuk terus membayar zakat melalui institusi zakat.

Berdasarkan Manual Pengurusan Agihan Zakat yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) ia menerangkan tentang bentuk bantuan dan skim pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf seperti skim bantuan pelajaran, skim bantuan Am pelajaran/dermasiswa, skim bantuan yuran persekolahan dan peperiksaan sekolah rendah/menengah, skim bantuan aktiviti dan lawatan belajar. Tujuan skim seperti ini diwujudkan adalah untuk memberi bantuan pelajaran kepada anak golongan asnaf supaya tidak tercicir dalam pelajaran serta dapat memperbaiki taraf hidup keluarga (JAWHAR, 2008).

Kesemua golongan asnaf ini kecuali amil dan *riqab* kebanyakannya terdiri daripada pelajar pelajar sama ada di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Bantuan zakat dari segi pendidikan turut disalurkan kepada golongan asnaf ini bertepatan dengan kehendak hukum syarak yang mementingkan umat Islam supaya gigih menuntut ilmu tidak kira kaya atau miskin. Walaupun pelbagai cadangan dan inovasi dibuat bagi memastikan agihan zakat sampai kepada asnaf, namun institusi zakat tetap berhadapan dengan isu ketidakpuasan hati pembayar zakat terhadap pengagihan zakat yang dilaksanakan (Muhammad Syukri, 2006; Sanep et. al, 2006; Hairunnizam, Sanep & Radiah 2009; dan Hairunnizam, Sanep & Radiah 2010) termasuk pembayar zakat di kalangan kumpulan akademik (Anuar Muhamad, 2008). Hal ini telah menyebabkan asnaf lebih cenderung memilih pembayaran zakat secara manual atau terus kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat formal (Sanep et. al, 2006 dan Hairunnizam et. al, 2009) kerana hilang keyakinan terhadap peranan utama institusi zakat.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Siti Martiah et all (2014) bertajuk "Bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf: kajian perbandingan antara Negeri Sembilan dan Selangor" memfokuskan memfokuskan kepada bantuan pendidikan yang telah di berikan kepada golongan asnaf. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa bantuan zakat pendidikan turut diberikan kepada asnaf *ar-riqab* di Negeri Sembilan berbeza dengan di negeri Selangor iaitu kepada golongan asnaf fakir dan miskin. Walaupun begitu, objektif utama bantuan zakat pendidikan tersebut masih tercapai iaitu untuk memberikan peluang pendidikan yang sama seperti yang lain dan mengeluarkan asnaf daripada kepompong kemiskinan melalui pendidikan yang berterusan dan kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran masing-masing.

Hasil usaha murni yang dilakukan oleh institusi zakat seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) dilihat telah menampakkan hasil apabila bilangan anak-anak fakir dan miskin yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan meningkat dari tahun ke tahun. Sekaligus, ia memberikan gambaran bahawa kemiskinan bukan lagi menjadi penghalang untuk golongan asnaf fakir dan miskin ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kejayaan anak-anak asnaf fakir dan miskin ini menjadi kebanggaan kepada LZS serta pembayar zakat seterusnya mereka menjadi contoh kepada anak asnaf yang lain dalam membuktikan bahawa dana zakat dapat melahirkan lebih ramai lagi anak-anak asnaf yang berjaya dan cemerlang dalam pendidikan.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Zakaria Bahri (2014) tentang peranan zakat dalam pendidikan masyarakat Islam: ulasan kasus Zakat Pulau Pinang (ZPP). Antara permasalahan yang dikaji dalam kajian tersebut adalah untuk mengenalpasti asnaf yang layak untuk menerima penyaluran dana zakat. Selain itu, pengkaji juga menganalisis bagaimanakah penyaluran dana zakat kepada pendidikan ini dapat dilakukan oleh institusi zakat kepada golongan sasaran iaitu yang terlibat dengan pendidikan. Terakhir, beliau merumuskan mengenai fungsi kewujudan Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan sumbangannya kepada pendidikan di Pulau Pinang. Melalui kajian tersebut, didapati penyaluran zakat untuk tujuan pendidikan ini pada dasarnya adalah melalui *ansaf fi sabilillah*.

Walaupun bagaimanapun, terdapat pelbagai program yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan zakat Pulau Pinang dalam memajukan pendidikan masyarakat Islam bukan saja melalui *ansaf fi sabilillah*, tetapi juga melalui melalui asnaf yang lain seperti asnaf fakir dan miskin, *ghorimin* dan muafak. Oleh kerana itu, kajian ini merumuskan sumbangan zakat yang berkaitan dengan pendidikan diberikan kepada mereka untuk meningkatkan syiar Islam dan mendekati diri kepada Allah SWT, khususnya kepada kegiatan pendidikan melalui pendidikan formal, dakwah, bimbingan agama, latihan, kursus, dan sebagainya. Secara umumnya, kajian tentang penyaluran dana zakat dalam bidang pendidikan masih kurang terutamanya yang membincangkan secara khusus tentang transformasi yang dijalankan aspek agihan. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada penyaluran khusus zakat pendidikan dan transformasi yang digunakan dalam mengagihkan dana tersebut kepada asnaf.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kajian lapangan berbentuk temubual dan kaedah dokumentasi secara induktif dan deduktif. Penyelidik menggunakan Zakat Pulau Pinang (ZPP) melalui Unit Pendidikan yang merupakan salah satu unit yang bertanggungjawab dalam penyaluran dana zakat pendidikan sebagai sampel kajian. Data dan maklumat yang diperolehi daripada institusi zakat ini iaitu ZPP adalah meliputi skim dan bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf termasuklah asnaf fakir dan miskin, *mualaf*, *fisabilillah*, *ibni sabil* dan *riqab* melalui sesi temubual bersama pegawai zakat di ZPP dan juga maklumat daripada laman sesawang ZPP, *pamphlet* dan *brochure* ZPP.

Hasil Kajian

LATAR BELAKANG ZAKAT PULAU PINANG (ZPP)

Penubuhan Zakat Pulau Pinang (ZPP) merupakan inisiatif mantan Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Y.B. Dr. Haji Mohd Shahar bin Sidek yang telah membentangkan satu kertas kerja berkaitan penubuhan syarikat milik penuh (100%) MAINPP bagi urusan pungutan zakat di negeri Pulau Pinang pada 23 Oktober 1993 (Zakat Pulau Pinang, 2017).

Seterusnya, pada 01 Jun 1994, Syarikat As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZ) telah didaftarkan oleh MAINPP sebagai syarikat petugas amil bagi pihak MAINPP menggunakan nombor syarikat 302434 A dengan pelaburan modal sejumlah RM1,019,658.00 dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad milik penuh MAINPP. Bermula 01 September 1994 ASUZ telah memulakan operasi sepenuhnya dengan menggunakan nama Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang atau ringkasnya PUZ sebagai nama pejabat bagi ASUZ bertujuan untuk mengekalkan '*public interest*' terhadap institusi zakat.

Melihat kepada perkembangan semasa daripada segi penambahbaikan sistem tadbir urus yang lebih baik, pada 26 April 2012 ASUZ melakukan penjenamaan semula nama dan logo Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang kepada nama korporat yang baru iaitu Zakat Pulau Pinang. Penjenamaan ini telah disempurnakan oleh TYT Tun Dato Seri Utama Dr Hj Abdul Rahman Hj Abbas, Yang diPertua Negeri Pulau Pinang. Bagi aspek bidang kuasa pula, di peringkat awal penubuhan, bidang kuasa Zakat Pulau Pinang hanyalah sekadar mengumpulkan zakat harta di sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai. MAINPP masih memainkan peranan untuk

mengumpulkan zakat fitrah dan mengagihkan dana zakat di negeri Pulau Pinang.

Namun begitu, kejayaan Zakat Pulau Pinang meningkatkan kutipan zakat harta dari RM 0.19 juta pada tahun 1994 kepada RM 9.36 juta pada tahun 1998 telah meyakinkan MAINPP bahawasanya Zakat Pulau Pinang amat berpotensi untuk menguruskan operasi kutipan dan agihan zakat sekaligus. Pada bulan Mac 1999, MAINPP telah memberi kepercayaan penuh kepada Zakat Pulau Pinang untuk mengendalikan sepenuhnya kedua-dua operasi kutipan dan agihan zakat bagi negeri Pulau Pinang dan juga kutipan dan agihan zakat fitrah. Zakat Pulau Pinang memulakan operasi awalnya pada 27 Disember 1994 berpusat di Taman Selat, Butterworth. Pada peringkat awal penubuhan, terdapat tiga cawangan kaunter perkhidmatan zakat telah dibuka iaitu di Taman Selat, Butterworth, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), dan di Kompleks Bukit Mertajam.

Kini, Zakat Pulau Pinang telah menambah enam (6) lagi cawangan kaunter perkhidmatan zakat iaitu di Nibong Tebal, Bayan Baru, Balik Pulau, Kepala Batas, Lebuh Buckingham dan Ayer Itam. Pada 3 Januari 2005, Zakat Pulau Pinang mengorak langkah yang lebih besar apabila berjaya memiliki bangunan sendiri di Bandar Perda, Bukit Mertajam sekaligus menjadikan ia sebagai ibu pejabat Zakat Pulau Pinang yang baru. ZPP ditadbir melalui Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALP) yang dilantik oleh MAIPP. Mereka terdiri daripada gabungan golongan ulama', akademik, korporat, kewangan dan profesional (Zakat Pulau Pinang, 2018).

Objektif penubuhan ZPP adalah untuk memperkasa pengurusan institusi zakat, memaksimumkan potensi kutipan zakat, menangani dan membasmi kemiskinan, meningkatkan syiar Islam dan dan membangunkan sosioekonomi ummah serta memberi perkhidmaan pelanggan yang berkualiti. ZPP diterajui oleh seorang Pengurus Besar, dua orang Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) & (Operasi) dan tujuh orang Ketua Jabatan berdasarkan struktur organisasi yang ditetapkan iaitu Jabatan Pentadbiran dan Teknologi Maklumat, Jabatan Kewangan, Jabatan Pembangunan Korporat, Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Dakwah dan Kutipan, Jabatan Pembangunan Ummah dan Jabatan Pembangunan Asnaf. (Zakat Pulau Pinang, 2018).

PENDEFINISIAN ASNAF YANG LAYAK MENERIMA ZAKAT PENDIDIKAN

Secara umumnya, masalah definisi setiap asnaf yang lapan juga menimbulkan masalah kepada amil. Setiap definisi asnaf antara negeri adalah hampir berbeza antara satu sama lain. Masalah pendefinisan asnaf juga masih lagi menimbulkan perdebatan dan percanggahan pendapat dalam kalangan fuqaha. Oleh kerana tiadanya penyelarasan antara institusi zakat dengan jabatan dan agensi kerajaan juga menambahkan lagi masalah dalam pengurusan agihan zakat (Zainal Abidin, 2001).

Pendefinisan asnaf yang teratur dan seragam antara negeri amat diharapkan. Walaupun terdapat percanggahan dalam menentukan dan mentafsirkan ciri-ciri serta syarat kelayakan bagi setiap asnaf, namun ia masih berlegar dalam ruang lingkus asnaf yang lapan seperti mana temaktub di dalam al-Qur'an. Misalnya, definisi asnaf *al-riqab*, *ibn sabil* dan *al-gharimin* perlu cuba diperluaskan agar wang zakat dapat diagihkan kepada asnaf-asnaf tersebut. Ini kerana, perubahan gaya hidup dan peredaran masa secara tidak langsung akan memberikan kesan kepada kaedah pengagihan zakat (Hasanah Abd Khafidz, 2017). Konsep pengagihan perlu diperluaskan agar ia berkembang dengan perkembangan ekonomi semasa yang menyebabkan kemungkinan wujud asnaf yang diikhtilaf antara negeri. Kewujudan asnaf-asnaf ikhtilaf di bawah sub kategori asnaf yang lapan akan memungkinkan wujudnya perbincangan yang hebat antara pihak fuqaha' dan pihak pengurusan zakat yang akhirnya memungkinkan definisi asnaf semakin luas mengikut peredaran zaman tetapi masih berhubung kait dengan nas al-Qur'an dan al-hadith.

Berdasarkan lapan asnaf yang layak untuk menerima agihan zakat berdasarkan Surah At-Taubah ayat ke 60, asnaf yang layak untuk menerima agihan zakat pendidikan dapat dikategorikan kepada beberapa golongan seperti asnaf *fi sabilillah*, asnaf fakir miskin, muallaf dan *ibnu sabil*. Di Zakat Pulau Pinang, terdapat empat kategori utama asnaf yang terlibat dengan asnaf pendidikan iaitu *fi sabilillah*, fakir miskin, *muallaf* dan *ibnu sabil* (Mohamad Rusydan, 2018; Ruslan, 2019). Perincian asnaf yang layak menerima zakat menurut para fuqaha adalah seperti berikut:

a) Asnaf *fi sabilillah*

Menurut LZS, *fi sabilillah* ialah perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah SWT (Lembaga Zakat Selangor, 2016). Bahagian Baitulmal MAINS pula mentakrifkan *fi sabilillah* sebagai mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti untuk menegakkan, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya (Ensiklopedia Pengurusan Zakat Di Malaysia (Siri 1), 2016).

Apa yang dimaksudkan *sabilillah* dalam al-Quran dimulai dengan kata *sabil* menurut bahasa adalah jalan. Jadi *sabilillah* itu berarti jalan yang akan menyampaikan pada kesenangan dan pahala dari Allah SWT (Yusuf Qardawi, 2011: 628). Dia membagikan arti *sabilillah* yang disertai dengan infak kepada maksud umum dan khusus. Maksud umum adalah merujuk pada lafalnya yang asli mencakup semua hal kebaikan, ketaatan dan semua jalan kebajikan. Hal ini berdasarkan Surah al-Baqarah; ayat 61-62 yang bermaksud:

“Perumpamaan nafkah yang dikeluarkan oleh orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, pada tiap-tiap satunya berbuah seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang dinafkahkan itu dengan menyebut-nyebut pemberiannya dan dengan tidak menyakiti (perasaan penerima), mereka memperoleh pahala di sisi Tuhan mereka. Tak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati.”

(al-Baqarah: 61-62)

Kedua, bagi maksud *sabilillah* yang lebih bersifat khusus, yaitu menolong agama Allah SWT, memerangi musuhNya dan menegakkan kalimat Allah SWT di muka bumi ini, sehingga tidak ada fitnah dan agama semuanya karena Allah SWT. Hal tersebut terjadi karena kalimat *sabilillah* ada setelah kata perang dan jihad. Misalnya berperang di jalan Allah” dan “berjihadlah kamu sekalian di jalan Allah”. Penjelasan ini didasarkan pada ayat 195, surah al-Baqarah, al-Anfal: ayat 60 dan surah al-Hadid: ayat10:

“Dan mengapa kamu tidak menafkahkan (sebagian hartamu) pada jalan Allah, pada hal Allahlah yang mempusakai (memiliki) langit dan bumi? Tidak sama di antara kamu orang yang menafkahkan hartanya dan berperang sebelum menaklukkan (Mekah). Mereka lebih tinggi derajatnya daripada orang-orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sesudah itu. Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka dengan balasan yang baik. “

(Al-Hadid: 10)

Ayat di atas menunjukkan maksud bahwa *sabilillah* itu adalah memerangi musuh-musuh Allah SWT dan membela agama Allah SWT. Makna khusus adalah membawa makna jihad dan perang. Namun, bagi ulamak mazhab Hanafi bersepakat menghubungkan *sabilillah* kepada tentara, jemaah haji,

pencari ilmu atau orang berjuang di jalan Allah SWT. Ini meliputi mereka yang fakir dan mereka yang membutuhkan sebagai syarat utama setiap orang yang dianggap sebagai *sabilillah* (Yusuf Al-Qardawi, 2011). Oleh itu, berjuang menggunakan akal filkiran adalah lebih penting dan lebih besar manfaatnya daripada berjuang dengan jiwa seperti yang dinyatakan dari pendapat para imam empat mazhab (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003).

Namun pada masa kini, orang yang berperang bukan hanya semata-mata menggunakan senjata, tetapi juga dari aspek yang lain antaranya berperang dengan menggunakan akal dan hati untuk mengajar dan berdakwah tentang Islam adalah lebih diperlukan. Hal ini lebih cenderung mengarahkan segala kemampuannya, tulisannya, ucapannya untuk tujuan membela dan mempertahankan akidah dan syariat Islam. Begitu pula untuk mendidik pemuda dan pemudi Islam, menyampaikan ajaran Islam yang benar, memelihara akidah Islam dari kekufuran dan juga memelihara dari kesesatan, sentiasa bersedia membela Islam dan melawan musuh juga termasuk jihad *fi sabilillah* (Yusuf Al-Qardawi, 2011).

Justeru, menurut ZPP, penilaian *fi sabilillah* adalah setiap perbuatan yang menjurus kepada keperluan dan maslahat untuk menegakkan syiar Islam. Ianya membawa maksud, mereka yang berjuang menegakan syiar Islam dan juga berdakwah yang tidak mendapat pembiayaan dari manapun pihak atau diberi tetapi tidak mencukupi maka dapat diberikan zakat termasuklah Pendidikan (Ruslan Harun, 2019). Begitu pula dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang lain mengaitkan untuk meningkat dan menyampaikan syiar Islam (Muhamad Sulaiman Zahlan, 2011: 257). Tempat yang penting untuk menyiarkan Islam adalah pendidikan, dakwah, masalah dan kesejahteraan masyarakat Islam. Oleh sebab itu atas dasar hal-hal yang disebutkan di atas, maka ZPP telah mefokuskan pendidikan sebagai elemen yang penting dalam penyaluran asnaf *fi sabilillah*.

Pendapat ini juga disokong oleh Hasanah Abd. Khafildz (2011) yang menyatakan bahawa pendidikan sebagai hal yang penting dalam memartabatkan agama Islam. Ini kerana semakin ramai umat Islam yang kekurangan dana penyelenggaraan pendidikan yang menyebabkan banyak sektor penting dalam negara Islam dikuasai oleh lulusan bukan Islam, misalnya kedokteran, aliran teknik dan vokasioanal, serta sains dan teknologi. Oleh itu, perspektif jihad dalam realiti semasa di Malaysia harus dilihat dalam skop yang lebih luas lagi bukan saja kepada jihad peperangan semata-mata bahkan juga dalam aspek pendidikan.

b) Asnaf Fakir dan Miskin

Perkataan akir diambil daripada perkataan Arab iaitu *faqir*. Ianya berasal daripada perkataan *faqura*, al-faru yang bererti lawan bagi kekayaan. Perkataan miskin juga diambil daripada perkataan Arab yang membawa maksud: yang tidak mempunyai sesuatu pun. Dalam Bahasa yang lebih mudah ianya dapat diertikan sebagai yang tidak mempunyai sesuatupun yang mencukupi tanggungannya (Ibn Manzur, 1996).

Imam Syafie pula mentakrifkan definisi fakir ialah sesiapa sahaja yang tidak mempunyai harta dan pekerjaan untuk memenuhi keperluan hidupnya sama ada dia ditimpa penyakit kronik yang berpanjangan atau menahan dirinya daripada meminta-minta. Manakala miskin pula didefinisikan sebagai sesiapa yang mempunyai harta dan pekerjaan yang tidak mencukupi keperluannya dan tidak menjadikan dirinya seorang yang kaya, sama ada dia meminta-minta ataupun tidak. (Al-Shafie, t.th).

Pentafsiran yang dinyatakan oleh Imam As-Syafei iaitu memenuhi keperluan yang terdiri daripada makanan, pakaian, tempat tinggal dan segala perkara yang tidak melibatkan unsur pembaziran. Keperluan tersebut adalah meliputi dirinya dan diri orang yang menjadi tanggungannya (Muhyi al-Din bin Sharaf al-Nawawi, t.th).

Kementerian Urusan Islam, Wakaf, Dakwah dan Pemerintah Arab Saudi mendefinisikan fakir sebagai orang yang memerlukan bantuan dan mereka tidak memperoleh pendapatan yang cukup untuk memenuhikeperluan asas, misalnya hanya mendapat RM2.00 daripada RM10.00 (keperluan yang jelas). Ini beerti fakir hanya memperoleh hasil pendapatan yang separuh nilainya daripada keperluan mereka. Sedangkan miskin pula mendapat RM7.00 dari RM10.00 iaitu lebih dari separuh tetapi kurang dari seharusnya (Normala Rabu, 2011: 185-186). Antara dalil al-Quran yang memerintahkan mereka yang berada memberi zakat kepada fakir dan miskin, misalnya surah al-Baqarah, ayat 273 dan al-Taubah, ayat 60. Allah SWT juga memperingatkan mereka yang tidak ingin mengeluarkan zakat seperti surah al-Mudathir, ayat 42-44 dan surah al-Insaan, ayat 7-9.

Taraf kualiti hidup seperti makan minim, pakaian, tempat tinggal, pendidikan serta kesihatan bagi setiap ahli keluarga haruslah dipertingkatkan. (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2003: 426). Pendidikan merupakan antara perkara yang penting dalam usaha meningkatkan kecerdasan, pengetahuan dan keterampilan anak-anak asnaf fakir dan miskin agar mereka dapat meningkatkan taraf kualiti hidup mereka. Hal ini kerana, mereka tidak lagi akan dibiarkan seperti yang telah dialami oleh kedua ibu

bapa mereka sebelumnya. Oleh yang demikian, penyaluran zakat pendidikan haruslah juga diberikan kepada asnaf fakir dan miskin. Ini bertepatan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yusuf al-Qardawi (2010) bahawa standart hidup seseorang individu tidak dapat diatur secara rigid. Ini kerana, terdapat perbezaan yang berlaku mengikut zaman, serta ukuran kekayaan sesebuah masyarakat.

Selain penyaluran dana zakat pendidikan disalurkan dalam asnaf *fi sabilillah*, penyaluran dana zakat pendidikan juga dapat dilakukan melalui asnaf fakir dan miskin kerana pendidikan merupakan salah satu hal yang fundamental dalam keperluan hidup yang harus dipenuhi oleh seseorang manusia. Pendidikan agama yang diterapkan kepada penerima zakat dalam jangka panjang agar mereka dapat meningkatkan iman serta taqwa sehingga akhirnya dapat menjadi seorang *muzakki* (pembayar zakat).

c) Asnaf Mualaf

Terdapat beberapa pendefinisian terhadap asnaf mualaf dalam kalangan fuaha. Menurut Umar Sulayman Al-Ashqar (2000), asnaf mualaf bermaksud mereka yang digerakkan hatinya kepada agama Islam dengan kaedah memuliakan mereka dengan sebarang bentuk pemberian. Hal yang sama wujud kepada mereka yang iman di hati belum kukuh, lalu diberikan sedikit imbuhan agar memantapkan serta menggembiran mereka untuk lebih meransang mereka dengan kemuliaan Islam.

Seterusnya, Abdul Ghafar Baba (2011) memberi maksud asnaf mualaf adalah individu yang diharapkan hatinya cenderung bertambah terhadap Islam serta boleh bekerjasama dengan masyarakat Islam. Antara mereka yang dapat menerima zakat adalah orang yang memiliki keinginan memeluk Islam; orang yang memiliki keinginan untuk menolong orang Islam; dan orang yang baru memeluk Islam. Para ulama telah membagi mualaf ini kepada dua golongan, yaitu mualaf muslim dan mualaf kafir (Yusuf al-Qardawi, 2010). Mualaf Muslim terdiri dari pemimpin Muslim; tokoh Muslim yang lemah imannya tetapi ditaati oleh pengikutnya; kaum Muslim yang mengawal benteng pertahanan negara; orang Muslim yang memiliki pengaruh mendapatkan zakat dari mereka yang enggan membayar; dan orang yang baharu memeluk Islam. Bagi mualaf kafir mereka terdiri dari golongan yang diharapkan keislamannya dan yang dikhawatirkan kejahatannya.

Namun di Malaysia, mualaf didefinisikan sebagai sebagai golongan yang baharu memeluk Islam (Zakaria Bahri, 2014). Golongan ini seharusnya diberikan bimbingan dan bantuan agar bertambah mantap keyakinan mereka

terhadap Islam. Sewaktu proses bimbingan ini berlaku, mereka juga memerlukan kepada ilmu pendidikan serta perlindungan. Mereka yang baharu memeluk Islam ini kadangkala disisihkan oleh ahli keluarga, rakan-rakan serta masyarakat. Oleh itu, mereka perlu diberikan perhatian yang sewajarnya sebagai saudara seislam untuk memantapkan aqidah mereka terhadap Islam. Dengan adanya proses bimbingan, dan pelbagai latihan secara tidak langsung dapat memantapkan lagi pemahaman, penghayatan dan kemandirian para muallaf bagi mengharungi kehidupan sebagai Muslim.

d) Asnaf Ibnu Sabil

Menurut Wahbah Zuhaili (1994), *ibnu sabil* adalah musafir untuk melakukan suatu hal ibadah dan kebajikan serta tidak melakukan maksiat. Sementara Yusuf Al-Qardawi (2003), pula menjelaskan syarat seseorang dikatakan Ibnu sabil ketika ia berada dalam keadaan yang memerlukan mereka untuk sampai ke negerinya dan tidak melakukan maksiat.

Hasan Bahrom (2012) telah merumuskan mereka yang diperkiran sebagai *ibnu sabil* adalah mereka yang sedang mereka yang bermusafir untuk mencari rezeki; kepentingan bermigrasi untuk mencari ilmu baik ilmu agama dan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi; dan ketiga adalah bermusafir karena melaksanakan ibadah yang disyariatkan Allah SWT. Oleh itu, semestinya mereka amat memerlukan bantuan di saat menghadapi kesulitan sebelum, sewaktu dan selepas proses bermusafir itu berlaku. Namun dari aspek zakat pendidikan, untuk kategori ibnu sabil adalah mereka yang menghadapi kesukaran dalam membiayai kos perjalanan misalnya tiket penerbangan ke luar negara bagi menuntut ilmu pengetahuan.

AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DI PULAU PINANG

Terdapat berbagai bentuk penyaluran agihan zakat pendidikan yang diamalkan oleh ZPP sama ada berupa terus kepada institusi yang menguruskan Pendidikan asnaf atau kepada asnaf itu sendiri (Mohamad Rusydan, 2018; Ruslan Harun, 2019).

Bantuan yang diberikan terus kepada individu adalah seperti bantuan awal persekolahan yang mendapat kerjasama daripada pihak sekolah, jawatankuasa masjid dan ADUN di kawasan masing-masing. Seterusnya, sebagai permulaan bagi memberikan semangat dan motivasi kepada para pelajar dalam kalangan asnaf, bantuan kelengkapan sekolah seperti pakaian, beg dan alat tulis juga disediakan melalui baucer yang boleh ditebus di

pasaraya-pasaraya yang terpilih sekitar Pulau Pinang. Ini bagi mengelakkan waris menyalahgunakan bantuan tersebut jika diberikan dalam bentuk tunai untuk bantuan kelengkapan sekolah. Bagi anak-anak asnaf yang cemerlang dan Berjaya melayakkan diri ke institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, bantuan permulaan dan bantuan tahunan diberikan kepada para pelajar dari peringkat diploma hinggalah ke peringkat doktor falsafah (PhD) yang terbuka kepada semua kursus yang memberikan manfaat kepada agama dan masyarakat.

Selain itu, bantuan kepada institusi Pendidikan seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), sumbangan kepada Tadika Islam (TADIS), sumbangan kepada Pengurusan KITAB, sumbangan Kebajikan Pelajar Dalam dan Luar Negeri yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA), Smart Calips Camp (SCC) dan Kelas Persiapan (Prep Class). Selain itu, pihak ZPP melakukan usahasama dengan institusi swasta dalam agihan zakat pendidikan iaitu bekerjasama dengan Naza Academy dan PSDC (Penang Skills Development Centre) untuk mengambil anak-anak asnaf yang berkelayakan belajar di kedua-dua institusi ini. Mereka akan diberikan elaun, dibiayai kemudahan asrama serta ditanggung penuh yuran pengajian. Selain itu juga, bagi anak-anak asnaf yatim piatu atau kehilangan ibu atau bapa, penubuhan Inapan Kasih Sayang di Pongsu Seribu, Pulau Pinang adalah sebagai tempat berteduh untuk mereka menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar dengan baik.

Dalam usaha memartabatkan institusi pendidikan agama yang tidak mendapat peruntukan kerajaan, bantuan kepada SAR dan maahad tahfiz yang terpilih iaitu Maahad Tahfiz Benggali dan Maahad Tahfiz Darul Ukasya merupakan suntikan dana yang diberikan untuk membiayai gaji guru-guru dan staf pentadbiran di SAR. Penyaluran ini dibuat melalui Unit Pendidikan, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. Jumlah pembiayaan yang akan disalurkan kepada beberapa SAR yang terpilih berdasarkan jumlah yang telah dipersetujui oleh pengurusan tertinggi JAIPP. Oleh itu, pihak ZPP hanya bertanggungjawab menyalurkan bantuan kewangan. Sumbangan yang disalurkan akan digunakan untuk membiayai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kerana para guru di SAR tidak mempunyai pencen selepas persaraan, tidak seperti guru-guru yang berkhidmat di sekolah bantuan penuh kerajaan.

Selain daripada itu, dana tersebut digunakan untuk membiayai kos pengurusan latihan dan kurikulum kepada guru-guru SAR seperti yang telah ditetapkan oleh JAIPP selaku pengelola program. Ianya dilakukan adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam

kalangan warga pendidik serta pentadbir SAR. Kesemua program ini dikelolakan oleh Unit Pendidikan JAIPP dan pihak ZPP hanya bertanggungjawab membiayai kos bagi menjalankan setiap program yang telah direncanakan oleh pihak ZPP. Di samping itu, pihak ZPP turut menyalurkan bantuan kewangan bagi membiayai ujian-ujian di peringkat negeri kelolaan MAINPP seperti UPKK dan UPSRA. Dengan pelbagai bentuk bantuan bagi memperkasakan pendidikan di Pulau Pinang melalui dana zakat membuah hasil apabila keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) Pulau Pinang tahun 2017 mendapat tempat pertama di peringkat kebangsaan berdasarkan analisa agregat 8A. Hasilnya, seramai 2540 pelajar (41.74%) telah lulus semua mata pelajaran dengan memperoleh agregat 8A daripada 6085 pelajar yang menduduki UPKK pada tahun 2017 (Abdul Malik Abul Kassim, 2018).

Bagi program pendidikan awal kanak-kanak melalui TADIS pula, merupakan taman asuhan pendidikan anak Islam yang diwujudkan oleh JAIPP untuk memenuhi permintaan daripada masyarakat yang inginkan anak-anak mereka diterapkan dengan ilmu agama pada peringkat kanak-kanak. Penyaluran dana zakat melibatkan gaji guru, pentadbiran dan peralatan. Setakat ini terdapat sebanyak 30 buah TADIS di seluruh Pulau Pinang dan dalam proses perancangan JAIPP akan membuka lagi beberapa cawangan baharu TADIS. Program TADIS ini juga di bawah kelolaan dan pemantauan JAIPP. Para pelajar SAR yang ingin mengambil ujian Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang diuruskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan untuk melanjutkan ke Timur Tengah, terutama di Mesir dan Jordan, juga akan dibiayai oleh ZPP. Namun, proses perjalanan ujian ini akan dilakukan oleh JAIPP. ZPP tidak terlibat secara langsung, namun hanya bertindak sebagai peneraju utama bagi membiayai pelbagai program dan kursus pendek sebelum calon-calon ini mengambil peperiksaan STAM.

Bantuan yang diberikan kepada Kolej Islam dan Teknologi Antarabangsa (KITAB) pula adalah bertujuan bagi membiayai kos pengurusan dan membantu para pelajar yang tidak berkemampuan melalui dana yang disalurkan. Selain daripada, ZPP juga menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada pengurusan organisasi persatuan di luar negara terutama di Mesir dan Jordan. Jumlah minimum pembiayaan yang diberikan adalah sebanyak RM10.000 bertujuan bagi membiayai pelbagai kegiatan sosial mahasiswa di sana. Antara tujuan lain bantuan ini adalah untuk membantu mahasiswa dalam usaha mendapatkan rawatan doktor, kegiatan persatuan terutamanya yang melibatkan kepentingan pelajar ataupun kes-kes darurat, misalnya

pembiayaan bagi penghantaran balik mahasiswa jika berlaku keadaan darurat di sesebuah negara tempat mereka belajar.

Bagi memberikan nilai tambah kepada para pelajar, Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA) bertujuan memberi pengisian tambahan kepada para pelajar Islam yang terpilih yang akan mengambil peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari anak-anak asnaf fakir dan miskin. Tujuan program ini adalah untuk membantu para pelajar yang terlibat mendapat hasil yang lebih baik dalam ketiga-tiga ujian tersebut. Zakat Pulau Pinang juga mengeluarkan peruntukan yang besar untuk melaksanakan program Skor A dengan kerjasama Unit Penyertaan Bumiputra (ICU), Lembaga Pengembangan Wilayah Penang (PERDA) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Program ini melibatkan 68 buah sekolah rendah dan 16 buah sekolah menengah di seluruh negeri Pinang.

Selain program Skor A, terdapat juga Bengkel Teknik Menjawab Soalan dan Bengkel Harapan (bertujuan meningkatkan prestasi daripada gerd B ke A). Bagi tujuan mutu dan keberkesanan program-program ini, pengelola yang membuat modul semua pelajaran yang terlibat dalam ujian (1 mata pelajaran mengandungi 25 modul) yang dikoordinasikan oleh Unit Penyertaan Bumiputra, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Mutiara PDCA adalah program terpadu di antara Zakat Pulau Pinang, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), Jabatan Perdana Menteri (ICU) dan PERDA. Kesemua calon UPSR, PMR dan SPM yang beragama Islam di Pulau Pinang berpeluang untuk mendapat pendidikan secara tersusun menggunakan 25 modul yang dibuat khusus untuk program ini. Dalam program ini juga, beberapa teknik menjawab soalan peperiksaan akan dijelaskan oleh guru-guru terbaik dari sekolah di Pulau Pinang. Secara umumnya, program ini memberikan kesan yang positif kerana ianya melibatkan Jabatan Pendidikan Negeri yang berautoriti dalam system pendidikan di Pulau Pinang (Mohamad Rushdan, 2018).

Bermula daripada tahun 2006, pihak ZPP telah menganjurkan program *Prep. Class* kepada anak-anak asnaf di qaryah yang terpilih. Ia merupakan kelas tambahan yang diwujudkan dalam memberikan pendidikan terutama kepada ibu bapa yang tidak dapat mendidik anak-anak mereka untuk melakukan kerja sekolah yang diberikan oleh guru di sekolah (buta huruf). "*Prep night class*" ini dibuat di setiap qariah seluruh Pulau Pinang dan tenaga pengajarnya terdiri daripada guru-guru sekolah dan mereka ini dibayar secara bulanan. Tempoh kelas adalah selama 2 jam sehari dan makan minum juga disediakan. Lokasi sasaran bagi program ini umumnya di kawasan flat dan kampung. Kini program ini melibatkan 35 pusat *Prep.Class* dengan

jumlah pelajar sebanyak 1500 orang. Pihak pemimpin setempat hanya perlu menyediakan tempat pembelajaran dan kos yang lain akan dibiayai oleh ZPP.

Smart Caliphs Camp (SCC) adalah salah satu projek agihan zakat yang dibangunkan khusus untuk pembangunan modal insan dikalangan remaja/belia Islam di negeri Pulau Pinang. Sejak diperkenalkan pada Jun 2008, ramai golongan remaja dan belia yang telah mendapat manfaatnya daripada program ini. Menggunakan konsep penyampaian melalui gabungan akademik dan kerohanian Metadologi penyampaian program ini bersifat kontemporari, yang mampu membina karektor sebagai seorang insan mulia dengan penggunaan teknologi multimedia terkini. Keseluruhan program ini adalah untuk membentuk jati diri peserta sebagai pewaris masa depan negara. Lokasi program bertempat di Pusat Latihan Zakat (PULAZA), Balik Pulau (Zakat Pulau Pinang, 2016).

Seterusnya, jaringan usahasama dengan institusi swasta dalam agihan zakat pendidikan turut diperkenalkan oleh ZPP. Dua buah peneraju industry iaitu Naza Academy dan PSDC (Penang Skills Development Centre) dipilih sebagai institusi pendidikan yang akan melahirkan anak-anak asnaf dalam bidang kemahiran. Kedua-dua institusi ini dipilih kerana Naza merupakan antara pelopor dalam bidang automotif dan PDSC pula merupakan institusi yang memiliki sejumlah tenanga pemikir dalam pelbagai kemahiran kepada anak-anak asnaf. Melalui program usahasama ini, para pelajar yang terpilih akan diberikan elaun bulanan sebanyak RM 300 dan kos yang lain seperti yuran dan asrama akan ditanggung sepenuhnya oleh ZPP. Menariknya, ZPP juga mengambil lepasan tahfiz yang tidak memiliki sijil peperiksaan awam seperi PT3 dan SPM untuk menyambung pengajian di sini dalam bidang penyenggaraan enjin kenderaan dan cat kereta. Mereka juga akan diberikan latihan praktikal di kilang-kilang terpilih sebelum ditawarkan bekerja di kilangkilang berkenaan. Secara tidak lansung, matlamat ZPP untuk melahirkan professional huffaz yang akan menjadi pembayar zakat selepas ini akan terlaksana.

Bermula tahun 2019, dua program baharu diperkenalkan kepada anak-anak asnaf iaitu Kursus Perakaunan dengan kerjasama Pusat Perakaunan Profesional Malaysia (MyPAC). Melalui program rintis ini, seramai empat orang anak asnaf yang cemerlang dan terpilih akan mengikuti program kursus perakaunan selama empat tahun. Oleh kerana pengajian ini melibatkan peruntukan yang agak mahal, sebanyak RM577,129.00 diperuntukan kepada program ini. Matlamat penawaran kursus ini adalah dengan adanya penglibatan asnaf dalam pengajian profesional, mereka dapat

keluar daripada kepompong asnaf seterusnya beralih kepada pembayar zakat. (Zakat Pulau Pinang, 2019).

Keduanya, adalah Kursus Pengendalian Jentera Berat iaitu Excarator (Hydrolic Excarator Operation) dan Kren Bergerak (Mobile Crane operation). Para pelatih daripada anak-anak asnaf yang terpilih akan diberikan elaun bulanan, tajaan yuran serta kos tempat tinggal ditanggung sepenuhnya oleh ZPP. Seramai 20 orang pelatih terpilih untuk program ini dengan kos yang dibelanjakan oleh ZPP dianggarkan kira-kira 18 ribu setahun untuk seorang peserta. Program sebegini dipilih ZPP kerana keperluan kepada pekerjaan masa kini dan sebagai salah satu tunutan fardhu kifayah kepada umat Islam bagi penerokaan bidang pengajian kejuruteraan dan TVET.

Bantuan berupa sumbangan kepada institusi pendidikan seperti sekolah agama rakyat (SAR) secara tidak langsung dapat memberikan nafas kepada pihak pentadbiran sekolah terutamanya daripada segi kewangan bagi membantu kos operasi sekolah. Secara rumusnya, penyaluran dana zakat pendidikan ini dapat dilihat pada Jadual 1:

Jadual 1: Bentuk Penyaluran Agihan Zakat Pendidikan ZPP

Bil	Program	Objektif	Asnaf yang terlibat	Jumlah Agihan (RM)	
1	Bantuan Awal Persekolahan	Memberi bantuan kepada kumpulan asnaf fakir dan miskin yang mempunyai anak yang ramai di peringkat rendah dan menengah agar tidak tercicir dalam pelajaran	Fakir dan miskin <i>Fi sabilillah</i>	2015	4,031,905.80
				2016	2,337,390.00
				2017	2,620,897.00
				2018	4,3781,50.00
2	Bantuan pakaian seragam	Menyalurkan bantuan berupa barangan keperluan peralatan sekolah seperti pakaian seragam sekolah, beg dan alat tulis kepada anak-anak asnaf pada permulaan sesi persekolahan	Miskin <i>Fi sabilillah</i>	2015	3,588,708.65
				2016	3,519,968.33
				2017	2,817,323.54
				2018	4,121,566.05
3	Bantuan Permulaan Ke IPT	Bantuan awal para mahasiswa/ wi bagi melanjutkan pelajaran ke	Fakir dan Miskin	2015	5,282,900.00
				2016	4,863,500.00

	(Dalam Negara)	institusi pengajian tinggi (IPTA/ IPTS) dalam negara	<i>Fi sabilillah</i>	2017	4,683,000.00
				2018	5,298,300.00
4	Bantuan Permulaan Ke IPT (Luar Negara)	Bantuan awal para mahasiswa/ wi bagi melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPTA/ IPTS) luar negara	Ibnu Sabil	2015	344,600.00
				2016	295,990.00
				2017	242,873.50
				2018	285,129.80
5	Bantuan kepada SAR	Membantu para pelajar di Sekolah Menengah Agama Rakyat yang berasal daripada keluarga yang tidak berkemampuan untuk meneruskan pembelajarn di sekolah-sekolah menengah agama rakyat (SAR) yang berdaftar dengan MAIPP.	<i>Fi sabilillah</i>	2015	2,870,000.00
				2016	2,870,000.00
				2017	870,000.00
				2018	870,000.00
6	Biasiswa kecil SMAI	Membantu para pelajar terpilih (biasiswa khas) di sekolah-sekolah menengah agama rakyat (SAR) yang berdaftar dengan MAIPP.	Fakir dan Miskin	2015	244,800.00
				2016	58,885.17
				2017	TIADA
				2018	417,800.00
7	Program Prepp Class	Program yang membantu para pelajar dalam kalangan anak-anak asnaf belajar dalam suasana yang kondusif pada waktu yang berkualiti untuk mengulangkaji pelajaran pada waktu malam.		2015	184,966.65
				2016	173,545.77
				2017	152,160.73
				2018	127,702.90
8	Kurus / Motivasi Pelajar	Meningkatkan kecemerlangan akademik dalam peperiksaan awam seperti UPSR, PT3, SPM dan STPM.	<i>Fi sabilillah</i>	2015	756,904.54
	1) MPDCA.		Muallaf	2016	1,031,796.02
	Program usahasama			2017	932,872.94
	antara	Memantapkan		2018	1,525,434.39

	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang bersama PERDA, dan Bahagian Penyertaan Bumiputera .	pengetahuan para peserta dalam ilmu fardhu ain dan penerapan nilai agama dalam kalangan pelajar			
	2) Kem PEWARIS				
9	Bantuan Tajaan di Institusi Pengajian Tinggi (Sekali dalam setahun)	Membantu siswa dan siswi yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat diploma, ijazah, sarja dan doctor falsafah. Terbuka kepada semua kursus yang memberi manfaat kepada agama dan masyarakat.	Fi sabilillah Fakir miskin	2015 2016 2017 2018	1,644,511.00 1,521,698.00 2,095,547.36 1,602,962.00
		Bantuan ini juga diberikan kepada bantuan pelajar perubatan di Mesir.			
10	Program Tajaan Kursus Kemahiran 1) Naza academy 2) Penang Skills Development Centre (PSDC)	Memberikan latihan kemahiran kepada anak-anak asnaf melalui pelbagai kursus kemahiran oleh Sijil kemahiran Malaysia. Tajaan diberikan hinggalah peringkat diploma.		2015 2016 2017 2018	1,644,511.00 1,521,698.00 2,095,547.36 1,602,962.00
11	Sumbangan	Mmebiayai pengurusan	Fi sabilillah	2015	3,000,000.00

kepada KITAB	dan pentadbiran Islam	Kolej Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang	2016	3,000,000.00
			2017	3,000,000.00
			2018	3,000,000.00

TRANSFORMASI AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN DI ZPP

Bagi menangani cabaran agihan zakat dalam program pembasmian kemiskinan terhadap golongan sasaran yang dinyatakan di atas, ZPP telah mengorak langkah menyusun gerak kerja melalui transformasi agihan zakat pendidikan bagi memastikan program pembangunan insan dapat dilaksanakan secara produktif dan berkesan. Fokus utama ialah dalam memberi penekanan kepada program pembangunan modal insan dalam kalangan asnaf.

Menurut pandangan umum, ungkapan transformasi mempunyai takrifan yang menunjukkan tahap dalam memperbaiki atau meningkatkan lagi sesuatu sistem atau keadaan kepada yang lebih baik. Menurut Ibrahim Yusof (2009) dalam konteks sosiologi, transformasi merupakan proses perubahan yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Ia merupakan gabungan perubahan dari aspek sosial, ekonomi dan politik yang menjelaskan perubahan yang berlaku ke atas segolongan manusia daripada suatu keadaan ke suatu keadaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, ZPP sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam pengagihan dana zakat juga tidak ketinggalan melakukan berbagai anjakan paradigma dalam menambah baik sistem agihan zakat terutamanya zakat pendidikan dalam kalangan asnaf (Mohamad Rusydan, 2018). Secara tidak langsung, perubahan dan transformasi yang dilakukan oleh ZPP dalam memastikan agihan yang dilaksanakan adalah tepat kepada penerimanya dan mendatangkan impak yang positif kepada asnaf. Berdasarkan berbagai permasalahan yang wujud berkaitan agihan zakat, maka ZPP telah mengambil beberapa pendekatan dalam melakukan penambahbaikan agihan zakat pendidikan.

(a) Laman sesawang *e-minhah*

Mewujudkan laman sesawang yang dikenali sebagai *e-minhah*. Kolaboratif antara ZPP dan JAIPP ini membuahkan hasil kerana sedikit sebanyak telah memudahkan asnaf yang layak memohon terus bantuan bagi peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan kedotoran melalui atas talian sahaja. Melalui laman ini juga, *data base* asnaf dapat direkodkan dengan sistematik dan dapat melakukan pengesanan secara atas talian sekiranya

wujud pemalsuan dokumen sewaktu proses permohonan dilakukan. Hebahan juga dilakukan di laman rasmi JAIPP bagi memudahkan asnaf yang layak menerima bantuan.

Usaha secara hebahan di laman maya ini adalah satu langkah yang proaktif bagi memudahkan asnaf memohon bantuan. Secara tidak lansung, ianya akan mengurangkan proses biokrasi yang berlaku semasa permohonan ingin dilakukan seperti jarak geografi asnaf dan proses untuk mengenalpasti asnaf yang layak akan menjadi bertambah mudah kerana prosesnya lebih efektif (Othman dan Noor, 2012; Farah Aida Ahmad Nadzri, Rashidah Abd Rahman dan Normah Omar, 2012:71). Selain itu, ZPP juga memperkasa laman sesawang seperti *facebook*, *twitter* dan *instagram* yang lebih mendominasi minda terutamanya generasi muda pada masa kini bagi memberikan info mengenai agihan zakat.

(b) Memperkasa skuad jejak asnaf

Menubuhkan skuad jejak asnaf yang mempunyai kenderaan khas serta kekuatan seramai 13 orang pegawai. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh skuad ini melakukan penjejakan asnaf antaranya aduan melalui telefon di ibu pejabat, aduan bertulis daripada penghulu, JKKK dan pengerusi qariah masjid serta daripada berita yang tular di media sosial seperti *facebook* dan *whatsapp* secara pantas dan teratur.

Selain itu, terdapat juga kaunter bergerak yang menggunakan kenderaan serba guna yang diubah suai. Kaunter ini akan beroperasi di majlis-majlis berskala besar anjuran komuniti dan penduduk setempat. Langkah ini bertepatan dengan realiti semasa yang memerlukan staf daripada institusi zakat tidak hanya berada di pejabat namun mereka bergerak mencari asnaf untuk agihan seperti mana mereka melakukan carian bagi mencari pembayar zakat. Ini terdapat golongan asnaf seperti fakir dan miskin dan *fi sabilillah* yang tidak diberikan pendedahan dan pengetahuan tentang cara-cara dan kelayakan untuk memohon bantuan. Hal ini akan menyebabkan hanya segelintir sahaja golongan tersebut yang mendapat manfaat daripada skim dan bantuan yang disediakan oleh institusi zakat (Azman Ab Rahman dan Ahmad Wifaq Makhtar, 2011).

(c) Jaringan dengan agensi swasta serta kerajaan

Melakukan usaha sama dengan beberapa agensi swasta serta kerajaan dalam agihan zakat. Misalnya, memperkenalkan program pengajian kemahiran kepada asnaf-asnaf yang berpotensi untuk diberikan peluang kemahiran di

Naza Academy dan PSDC. Selain itu, oleh kerana keterhadan staf di institusi zakat, pihak ZPP juga bekerjasama dengan pihak JAIPP, Jabatan Pendidikan Negeri, ADUN, Ahli Parlimen, pihak sekolah melalui pengetua dan guru besar, pengerusi qariah masjid dan surau bagi mengenalpasti asnaf dan mengadakan program kecemerlangan akademik serta menerima cadangan dan buah fikiran daripada mereka untuk menyalurkan bantuan zakat pendidikan dengan lebih sistematik.


(d) Hari ZPP bersama masyarakat

Mewujudkan hari ZPP bersama masyarakat. Buat masa ini, hari Jumaat telah dipilih bermula dengan penyampaian khutbah oleh staf ZPP serta diwujudkan kaunter agihan bagi mendapatkan maklumat, merekodkan asnaf yang layak menerima agihan zakat. Pada waktu tersebut juga, asnaf-asnaf yang dikenalpasti akan diziarahi oleh staf ZPP. Program ini dijalankan secara berkala di masjid-masjid yang terpilih di seluruh negeri Pulau Pinang.

(e) Penawaran program berimpak tinggi

Menawarkan program yang memberi nilai dan impak yang tinggi kepada anak-anak asnaf serta relevan dengan keperluan kehendak kerjaya semasa seperti dalam bidang perakaunan, jentera berat, kejuruteraan, TVET, kemahiran dan Pengajian Islam. Kesemua bentuk transformasi yang dilakukan oleh ZPP dapat dijelaskan dalam Rajah 1 seperti berikut:

Rajah 1: Transformasi ZPP dalam agihan zakat pendidikan



KESIMPULAN

Berdasarkan data yang telah dipaparkan, pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh ZPP dalam konteks pembangunan insan melalui agihan dana zakat pendidikan. Program-program yang telah dijalankan telah membantu para asnaf mengubah taraf kehidupan serta memberi kesedaran bahawa mereka

tidak boleh terus bergantung kepada sumbangan daripada ZPP semata-mata (Zakaria Bahri, 2014). Semua peringkat umur sesuai dengan program yang dijalankan kerana telah disediakan mengikut kesesuaian umur.

Pihak ZPP juga harus bertegas dan mengetatkan syarat *asnaf* bagi melayakkan mereka menerima sumbangan. Ini bertujuan supaya golongan ini terus mengambil kesempatan atas sumbangan yang diberikan. Ia juga akan membri kesan kepada *asnaf* iaitu malas berusaha dalam mencapai taraf hidup yang lebih produktif. Bergandingan antara pihak ZPP, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat bagi membantu para *asnaf* untuk memajukan pendidikan serta taraf hidup mereka adalah usaha yang perlu diambil perhatian.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Baba, (2011). *Asnaf Mualaf, dlm Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.
- Ahmad Shahir, M. (2007). *Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (LZS) MAIS*. Pemantapan Sistem Zakat dan Cukai ke Arah kemajuan Ekonomi Ummah. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Cukai dan Zakat Kebangsaan, Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC, 23 Mei. Malaysia: Kuala Lumpur.
- Aidit, G. (1989). *Fenomenon pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi - Satu analisis empirik*. Dalam Mohd Ali Hj. Baharum (Ed.), *Zakat ditinjau dari perspektif sosial, undang-undang dan taksiran* (pp. 1-27). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.
- Anssar Nasrun dan Aza Shahnaz Azman. (2015). *Hubungan Antara Keberkesanan Agihan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf*. E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015 Isu Kontemporari Agihan Zakat Di Malaysia. Penerbit Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur h. 6-14.
- Azman Ab Rahman dan Ahmad Wifaq Makhtar. (2011). *Kelayakan dan Kedudukan Pelajar sebagai Penerima Zakat Menurut Perspektif Islam*. Jurnal Pengurusan Jawhar. Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Jabatan Perdana Menteri.
- Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar. (2014). *Zakat pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia Peranan dan cabarannya pada masa kini*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Masjid,

- Zakat and Waqf (IMAF 2014)1-2 Disember. Malaysia: Kuala Lumpur hlm. 25-30.
- Azman Ab Rahman, Hasanah Abd Khafidz, Zahari Mahad Musa, Irwan Mohd Subri, Nor Asiah Yaakub & Siti Martiah Anwar (2017). *Keperluan Kepada Skim Bantuan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) atau Lifelong Learning untuk Fakir Miskin Menerusi Zakat*. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017. Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Malaysia and Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University, Thailand.
- Bernama. Oktober 26. "Peruntukan Besar Bukti Pendidikan Sandaran Utama Bangunkan Negara". 2013. <http://web10.bernama.com/budget2014/index.php?lang=my&sid=newsdetail&id=988622>
- Dato' Abdul Malik Abul Kassim. (2018) diakses daripada <https://www.menara.my/keputusan-upkk-pulau-pinang-terbaik/>
- Ensiklopedia Pengurusan Zakat Di Malaysia (Siri 1). Sekretariat Pengurusan Zakat Negeri-negeri (SPZN) & Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 2016. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Farah Aida Ahmad Nadzri, Rashidah Abd Rahma dan Normah Omar (2012). *Zakat and Poverty Alleviation: Roles of Zakat Institutions in Malaysia*, International Journal of Arts and Commerce, Vo.1, No.7, Disember, ms. 61-72.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2009). *Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia*. In Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan.
- Hasan Bahrom (2012). *Asnaf Ghorimin dan Asnaf Mu'alaf, dlm Fiqh Zakat Malaysia*, Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ). Shah Alam; Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.
- Hasanah Abd. Khafidz (2017) *Pentafsiran asnaf zakat di Malaysia mengikut masa dan tempat*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia
- Hasanah Abd. Khafidz, (2011). *Fil Sabilillah Sebagai Medium Zakat Produktif*, dlm Transformasi Zakat: Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif. dlm Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif, suntingan Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah & Zahri Hamat, Pulau Pinang: Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam negeri Pulau Pinang, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam(ISDEV), Univerisiti Sains Malaysia
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.

- Ibrahim, Yusof. (2009). *Komuniti Pembangunan dan Transformasi*. Bangi. Penerbit UKM
- Iman, Salleh dan Sanep Ahmad. (2011). *Indeks Keyakinan Terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS): kajian Kes Kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Prosiding PERKEM 2011
- Jasni Sulong & Anwar Mohd Ali. (2012). *Kajian Perbandingan Dalam Pentadbiran Undang-undang Kutipan Zakat Di Provinsi Aceh dan Negeri Kedah*. Jurnal Kajian Malaysia. 30, 107-108.
- Laporan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan (2019) Diakses daripada: <http://www1.treasury.gov.my/perbelanjaan.html>
- Laporan Kutipan dan Agihan Zakat. (2013). Info Zakat, Lembaga Zakat Selangor.
- Laporan Pengurusan Zakat Selangor. (2008). Lembaga Zakat Selangor
- Laporan Pengurusan Zakat Selangor. (2008). Lembaga Zakat Selangor. www.e-zakat.com.my
- Lembaga Zakat Selangor, 2014. Jenis Agihan Zakat. <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-bantuan-umum/> (diakses pada).
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Manual Pengurusan Agihan Zakat. (2008). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- Md Hairi Md Hussain (2012). "Ketelusan Dalam Tadbir Urus Institusi Zakat". Prosiding Seminar Isu-Isu Kontemporari Zakat di Malaysia, anjuran Pusat Islam Universiti Utara Malaysia pada 25-27 November 2012.
- Mohamed Dahan Abdul Latif. (1998). *Zakat management and administration in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Mohamed Izam, M. Y. (2010). *Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan*. Zakat Transformation: From Subsistence to Productive. Kertas kerja dibentangkan di International Development Management Conference (IDMAC 2010), Universiti Sains Malaysia, 22 Disember. Malaysia: Penang.
- Mohd Asri, Z. A. (2009). *Agama bukan candu untuk mengkhayalkan orang miskin*. Diakses pada Julai 15, 2010, daripada <http://drmaza.com/home/?p=808>
- Mohd Asri, Z. A. (2010). *Zakat berbaki atau kita kurang bijak membahagi*. Diakses pada September 22, 2010, daripada <http://drmaza.com/home/?p=1228>
- Mohd Fadly, S. (2010, Mac 12). Lebih proaktif bantu si miskin, Harian Metro, hlm. v4.

- Mohd Faisol Ibrahim & Suhaina Musani. 2011. *Zakat dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Harzrul, A. (2010, Mac 4). Institusi agama tercabar, Harian Metro, p. 9.
- Muhammad Sulaiman Zahlan, 2011. *Asnaf Fi Sabilillah, dlm Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA (254- 269).
- Muhammad Syukri Salleh (2006). *Lokalisasi Zakat: Satu Cabaran Teoritis*. dlm. Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir (Eds.), *Zakat: Pengsyariatan, Pengekonomian dan Perundangan*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf al-Din al- (T.T.), al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab, 23 j. (t.t.), (t.t.p.).
- Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Norazlina Wahab & Abdul Rahim Abdul Rahman. (2015). *Efficiency of zakat institutions and its determinants. Access to Finance and Human Development— Essays on Zakah, Awqaf and Microfinance*, 33.
- Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad. (2017). *Peranan Zakat dalam Meningkatkan Ekuiti dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar di Malaysia*. dlm Jurnal kepemimpinan pendidikan bil 4.
- Normala Rabu. (2011). *Asnaf Fakir dan Miskin*, dlm dlm Fiqh Zakat Malaysia. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA
- Othman, A. dan Noor, A.H.M. (2012). *Role of Zakat in Minimizing Economic Inequalities Among Muslim: A Preliminary Study on Non-Recipients of Zakat Fund (NRZF)*, 3rd International Conference on Business and Economic Research (3rd ICBER 2012) Proceeding, Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia.
- Patmawati Ibrahim (2008). *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal*. Jurnal Syariah, Jil. 6, Bil. 2.
- Qardhawi, Y. (2007). *Hukum zakat* (Salman Harun, Didin Hafidhuddin & Hasanuddin, Terjm. 10 ed.). Bogor: Pustaka Litera AntarNusa
- Radiah, S. (2011, Oktober 28). Amil lesapkan wang zakat diburu, Kosmo, hlm. 2.
- Sadeq, AHM. (1995). *Ethioco-eco-Institution of Zakah: An Instrument of Self-Reliance and Sustainable Grass-Root Development* (Mimeograph)
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). *Penswastaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia*. International Journal of Management Studies 13(2): 179.

- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid. (2005). *Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal*. Jurnal Ekonomi Malaysia, Jil. 39, hlm. 57.
- Siti Martiah Anwar, Azman Ab Rahman, Nor Asiah Yaakub & Mohd Faez Abu Bakar. (2014). *Bantuan Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf:Kajian Perbandingan Antara Negeri Sembilan Dan Negeri Selangor*. Universiti Sains Islam Malaysia
- Utusan Online. (2001, Disember 3). Institusi zakat dipertikai. Diakses pada Mei 25, 2011, daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1203&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm
- Wahbah Zuhaili, (1994). *Fiqh dan Perundangan Islam*, Jilid II. Penterj. Md Akhir Hj Yaacob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- Yusuf Qardawi, (2011). *Hukum Zakat: Studi komparatif Mengenai Status dan Fillsafat Zakat Berdasarkan Qur'an dan Hadis* (terjemahan: Salman Harun, Didin Hafildhuddin & Hasanuddin), Jakarta: PT. Mitra Kerjaya Indonesia (cetakan ke 12).
- Zainal Abidin (2001) Cara pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Wilayah persekutuan. Dalam
- Zakaria Bahri. (2014). Peranan Zakat Dalam Pendidikan Masyarakat Islam: Ulasan Kasus Zakat Pulau Pinang. *Media Syariah*, Vol XV1 No 1 Jun 2014.
- Zakat Pulau Pinang (2019) <https://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/info-zpp/sejarah-penubuhan>.
- Zakat Pulau Pinang (2019) <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/majlis-menandatangani-perjanjian-diantara-zpp-dan-mypac>.

Temu Bual

Temu bual bersama Tuan Mohd Rusdan Mohamad, Pegawai Kanan Zakat Pulau Pinang, pada 20 Februari 2018 bertempat di Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda Seberang Perai, Pulau Pinang jam 2.10 petang.

Temu bual bersama Sahibus Samahah Datuk Seri Datuk Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pada 11 Februari 2019 bertempat di Jabatan Mufti Pulau Pinang, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) jam 3.00 petang.

Temu bual bersama Tuan Ruslan Harun, Ketua Bahagian Pendidikan Zakat Pulau Pinang, pada 20 Jun 2019 bertempat di Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda Seberang Perai, Pulau Pinang jam 2.30 petang.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.